



Sebahagian daripada 64 warganegara India yang ditahan kerana bekerja di sebuah kilang di Senai, malam kelmarin

(Foto ihsan JIM)

64 pendatang asing kena tahan

Johor Bahru: Jabatan Imigresen menahan 64 lelaki pendatang tanpa izin (PATI) selepas menyerbu sebuah kilang di Senai, malam kelmarin.

Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Khairul Dzai mee Daud, berkata mereka yang didaftarkan bawah Program Rekalibrasi Tenaga Kerja (RTK) ditahan pada jam 10.30 malam.

Beliau berkata, penahanan dilakukan selepas menolak alasan majikan yang tidak tahu sektor pekerjaan dibenarkan bagi warga asing dari India.

Mengikut dasar kerajaan, katanya, pekerja negara terbabit hanya dibenarkan bekerja di sektor pembinaan, perkhidmatan, pertanian dan perladangan.

“Tidak pernah lagi dalam ser-

buan di kilang sebelum ini, begitu ramai warganegara India diam-bil bekerja.

“Kita syak mungkin kilang ini guna perkhidmatan ejen untuk mendaftarkan pekerja di bawah program rekalibrasi.

Berdasarkan slip pendaftaran RTK, pekerja ini didaftarkan pada April 2021 dan kini sudah Mac 2022, maknanya hampir setahun mereka bekerja di situ,” katanya selepas mengetuai Op Me-ga Imigresen, malam kelmarin.

Khairul Dzai mee berkata, Imigresen turut menahan 16 warga Nepal, tiga warga Myanmar dan dua warga Bangladesh yang tidak mempunyai sebarang dokumen.

Katanya, kesemua PATI berumur 25 hingga 40 tahun itu dibawa ke lokap Imigresen di Setia

Tropika di sini, untuk siasatan lanjut.

Sementara itu, Khairul Dzai mee berkata, Imigresen sentiasa bersedia sepenuhnya untuk beroperasi semula, susulan langkah pembukaan sempadan tidak lama lagi.

Beliau berkata, kesemua sistem laluan automatik (autogate) termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) sudah diaktifkan.

Katanya, pegawai bertugas di pintu masuk juga akan dipanggil semula untuk kembali ke tugas asal mereka.

“Pegawai yang sebelum ini di-hantar ke depon sementara yang dibuka sepanjang pandemik CO-VID-19, juga akan menjalankan tugas asal mereka di pintu sem-

padan negara.

“Dari segi persediaan, saya boleh katakan Imigresen sudah pun bersedia terutama di dua pintu masuk utama iaitu KLIA dan di Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di Johor ini,” katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengesahkan sempadan negara akan dibuka semula tidak lama lagi.

Ia bagi membolehkan ahli Keluarga Malaysia yang sudah lama tidak bersua muka dapat pulang terutama ketika Aidilfitri pada Mei nanti.

Terdahulu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, memaklumkan tarikh pembukaan sempadan negara akan diumumkan Perda-na Menteri pada minggu depan.